

Tambah jawatan dalam kerajaan ikut keadaan

BH 10 MAY 2000

KUALA LUMPUR. Selasa – Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik (**gambar**) berkata pertukaran atau pertambahan jawatan dalam kerajaan kepada pemimpin MCA hanya dilakukan mengikut keadaan dan masa yang paling sesuai.

“Saya yakin setiap perubahan, pertukaran, tambahan atau pengurangan akan diadakan pada masa dan tempat yang sesuai,” katanya ketika diminta mengulas kritikan Pemuda MCA Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang.

Pada mesyuarat agung masing-masing Ahad lalu, Pemuda MCA Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang menegur kepemimpinan MCA kerana dikatakan gagal mendapatkan tambahan kerusi dalam kerajaan untuk pemimpin parti itu walaupun MCA menunjukkan prestasi cemerlang pada pilihan raya umum lalu.

Ketika ditemui pemberita di sini, hari ini, Dr Ling berkata beliau yakin dengan kepemimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang disifatkan adil.

“Dr Mahathir sebagai Pengerusi Barisan Nasional adalah bapa kepada keluarga BN,” katanya.

Sambil berterima kasih kepada Pemuda MCA Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang atas kritikan itu, Dr Ling berkata dasar yang diamalkan BN ketika ini membolehkannya terus memimpin negara dalam tempoh yang panjang dengan mengekalkan kestabilan dan keharmonian.

Mengenai dakwaan Timbalannya, Datuk Lim Ah Lek bahawa beliau menjadi punca perpecahan parti itu, Dr Ling berkata setiap parti politik memang akan mengalami masalah dalaman seperti juga keluarga yang mempunyai masalah masing-masing.

“Kita bermesyuarat setiap Isnin dan Selasa. Saya gembira kerana Jawatankuasa Pusat melakukan semua yang terdaya supaya segala urusan berjalan lancar,” katanya.

Sabtu lalu, sebuah akhbar berbahasa Cina menyiarkan kenyataan Lim yang mendakwa Dr Ling menjadi punca perpecahan MCA.

Terdahulu, Dr Ling menerima sumbangan RM250,000 daripada bekas pelajar Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR), Leong Khai Cheong, bagi Tabung Pinjaman TAR di ibu pejabatnya di sini, hari ini.